**KENYATAAN MEDIA**
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (10 NOVEMBER 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menzahirkan kebimbangan berkenaan kes Nagaenthran K. Dharmalingam yang pada asalnya dijadualkan untuk menjalani hukuman mati pada hari ini di atas cubaan untuk menyeludup 42.72 gram heroin ke Singapura pada tahun 2009. SUHAKAM amat kecewa dengan keputusan Kerajaan Singapura yang memutuskan untuk menjalankan hukuman mati ke atas Nagaenthran meskipun penilaian oleh pakar perubatan menunjukkan bahawa Nagaenthran mengalami kurang upaya intelektual.

SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa mengenakan hukuman mati mandatori melanggar hak kepada kehidupan sepertimana yang termaktub dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa kerana ia merupakan penafian hak kepada kehidupan secara sebarangan. Hukuman mati mandatori juga menafikan kemungkinan untuk para hakim mempertimbangkan fakta-fakta kesalahan ataupun ciri-ciri setiap pesalah.

SUHAKAM menekankan bahawa Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik membuat pengecualian untuk mengenakan hukuman mati hanya bagi jenayah ‘paling serius’ dan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia yang bertanggungjawab untuk mentafsirkan Kovenan tersebut telah berulang kali menyatakan bahawa kesalahan berkaitan dadah tidak memenuhi kategori tersebut. SUHAKAM dengan ini mengulangi seruannya untuk pemansuhan sepenuhnya hukuman mati di negara ini, selari dengan kepercayaan terhadap hak asasi seseorang untuk hidup.

Oleh itu, SUHAKAM menyeru Kerajaan Singapura untuk bergerak seiring dengan kesedaran sejagat ke arah pengambilan langkah-langkah yang perlu untuk memansuhkan hukuman mati dan mengesyorkan agar moratorium terhadap hukuman mati dilaksanakan, sekurang-kurangnya untuk menunjukkan penghormatan terhadap maruah manusia dan bagi meningkat dan membangun secara progresif hak asasi manusia di dalam negara. SUHAKAM juga menyeru Kerajaan di ASEAN untuk turut sama bergerak selari ke arah pemansuhan hukuman mati.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**10 November 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*